

26 SEP 2002

Arafat-Keadaan/I

NYAWA ARAFAT DALAM BAHAYA, KATA DUTA BESAR PALESTIN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Nyawa Presiden Palestin Yasser Arafat kini dalam keadaan genting ekoran tentera Israel terus menawan ibu pejabatnya di Ramallah Tebing Barat, kata Duta Besar negara itu ke Kuala Lumpur Ahmad Al-Farra hari ini.

Beliau berkata Presiden Arafat dan kira-kira 200 orang yang berada bersamanya dalam bangunan di Ramallah itu menghadapi kekurangan bekalan makanan dan air.

Bekalan elektrik ke pejabat presiden itu juga sudah dipotong dan mereka tidak dapat mengecaj telefon selular masing-masing.

Ahmad berkata tentera Israel telah memusnahkan semua bangunan berhampiran bangunan ibu pejabat itu.

"Malah pejabat itu pun tidak lagi selamat dan akan runtuh pada bila-bila masa. Nyawanya dalam bahaya...apabila seseorang ditawan dan dilucutkan semua sumber untuk hidup... dia dalam bahaya."

"Situasi ini sangat serius dan bahaya," katanya kepada Bernama dalam satu temu bual hari ini.

Tentera Israel mula mengepung bangunan itu seminggu lepas selepas pengebom berani mati Palestin membunuh tujuh penduduk di Israel. Sekurang-kurangnya 1,564 rakyat Palestin dan kira-kira 600 Israel terkorban dalam masa dua tahun, ekoran kebangkitan rakyat Palestin.

Israel menuntut Arafat menyerahkan kira-kira 50 orang yang terkepung dalam bangunan itu yang disyaki sebagai militan.

Ahmad juga berkata beliau tidak menolak kemungkinan ibu pejabat itu akan diserbu oleh tentera Israel.

"Saya tidak menolaknya...Sharon (Perdana Menteri Israel Ariel Sharon) boleh lakukan apa sahaja. Semuanya boleh dijangkakan," katanya.

"Saya cuba menghubungi Arafat malam semalam tetapi gagal."

Duta besar itu berkata kali terakhir beliau bercakap dengan Arafat adalah pada Jumaat lepas semasa pemimpin presiden itu bercakap dan meminta bantuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghentikan kepungan itu.

Bagaimanapun, Ahmad berkata semangat juang Arafat masih tinggi meskipun berhadapan dengan pelbagai kesengsaraan ke atas beliau dan penduduknya.

"Moralnya sangat tinggi," kata Ahmad mengenai pemimpin berusia 73 tahun itu yang merupakan simbol perjuangan rakyat Palestin bagi menamatkan pendudukan Israel selama lebih 50 tahun serta mendapatkan tanah air sendiri.

Menjawab satu soalan, Ahmad berkata kepungan terbaru ini berbeza daripada yang dilakukan bulan lepas, memandangkan kali ini tentera Israel telah memusnahkan semua bangunan di sekeliling ibu pejabat Arafat.

"Amerika Syarikat berkata bahawa Iraq mesti mematuhi semua resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tetapi Israel tidak melaksanakan resolusi PBB yang menuntut supaya kepungan itu ditamatkan," katanya.

-- BERNAMA

RV ZS AAM LAT